

Kemenangan suntik keyakinan UMS FC

Oleh VITALIS G. BINGKASAN

vbingkasan@yahoo.com

UB 04/01/2012 A14

KOTA KINABALU: Memenangi kedua-dua perlawanan pertama menyuntik keyakinan skuad futsal wanita Universiti Malaysia Sabah (UMS) FC pada Kejohanan Futsal Kebangsaan Felda-FAM 2011/2012 di Kompleks Sukan Triways Shah Alam, Selangor.

Bersaing dalam Kumpulan B, UMS memulakan cabaran dengan membela pasukan KL Putra Ria 9-2 pada 31 Disember 2011 sebelum merayakan tahun baru dengan menumpaskan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 7-1 pada 1 Januari 2012.

Sherilyn Elly Pius muncul sebagai penyumbang utama jaringan UMS FC dengan tujuh gol iaitu empat pada perlawanan pertama dan tiga pada perlawanan kedua.

Haindee Mosroh pula mencipta jaringan hatrik pada perlawanan pertama yang turut menyaksikan Dadree Rofinus dan Uslizah Osman masing-masing menjaringkan satu gol.

Pada pertemuan menentang ATM, Dadree menjaringkan dua gol manakala Uslizah dan Mastura Majid masing-masing menyumbangkan satu gol.



■ SKUAD UMS FC bersama Asyraf (berdiri kanan) dan penolong jurulatih, Azman Soaibah (berdiri kiri).

Ketua jurulatih, Mohd Asyraf Fong Abdullah berkata, ia merupakan dua lawan mudah tetapi kemenangan itu amat penting sebagai pemberi suntikan keyakinan kepada pasukan menghadapi lawan lebih kuat pada perlawanan seterusnya.

Selain UMS FC, KL Putra Ria dan ATM, pasukan lain dalam Kumpulan B adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Selangor MPSJ FC, Terengganu Permaisuri FC, UiTM FC dan Sarawak DBKU.

Sabah akan meneruskan cabaran menentang PDRM dan Selangor MPSJ FC pada 21-22 Januari.

Asyraf berkata dua lawan

berikutnya itu adalah yang pencabar utama Kumpulan B dan bakal menjadi penentu nasib UMS FC.

Menurutnya, kedua-dua pasukan itu mempunyai rekod baik pada kejohanan itu di mana PDRM sudah empat tahun berutut-turut mara ke final termasuk merangkul gelaran juara pada musim 2008/2009 manakala Selangor MPSJ FC juga merupakan antara pasukan yang mara ke grand final musim lalu.

Rekod menyaksikan UMS yang menyertai kejohanan itu buat kali pertama musim lalu menang 3-1 ke atas PDRM tetapi tewas 1-2 kepada Selangor MPSJ FC pada pusingan akhir musim

lalu.

"Jika menang dengan dua lawan berikut ini, saya yakin UMS FC akan mara ke pusingan akhir yang diperuntukkan kepada empat pasukan teratas selepas liga satu pusingan dalam saingan peringkat kumpulan," kata Asyraf sambil memberitahu bahawa pihaknya mensasarkan muncul juara kumpulan.

"Kami akan kembali menjalani latihan esok (hari ini). Masih banyak ruang yang perlu diperkemaskan. Saya harap kami akan berada di tahap terbaik apabila menghadapi perlawanan seterusnya," katanya ketika dihubungi di sini kelmarin.

Sambil itu pasukan negeri Sabah juga diwakili pasukan lelaki dan wanita pada kejohanan itu dan mereka diletakkan dalam Kumpulan A.

Persaingan Kumpulan A berlangsung pada 17-18 Disember dan skuad lelaki Sabah yang ditarik pemain muda mencatat kemenangan 3-2 ke atas Pulau Pinang tetapi tumpas 0-2 kepada Selangor PKNS FC.

Pasukan wanita Sabah pula menang 2-0 ke atas Unimap Perlis tetapi kecundang 0-2 kepada Selangor yang juga merupakan juarā bertahan.

Perlawanan Kumpulan A berikutnya berlangsung pada 14-15 Januari ini.